

PENGGUNAAN MINYAK ZAITUN SEBAGAI RAWATAN ORANG MELAYU LAMA DALAM *KITAB TAYYIB AL-IHSAN FI TIBB AL-INSAN* KARANGAN WAN AHMAD IBN WAN MUHAMMAD ZAYN AL-FATHANI

Muhammad Hafiz Rosli^{a*} & Kamarul Azuan Shah Mohd Mashuti^b

^aPelajar Pascasiswazah
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA(UiTM) Cawangan Perak
Hafizcaster94@gmail.com

^aPelajar Pascasiswazah
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA(UiTM) Shah Alam.

*Corresponding Author

Article info

Received:
31/07/2023
Received in revised form:
30/08/2023
Accepted:
01/09/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:
Tayyib Insan;
Rawatan;
Zaitun;
Syifa'

DOI:
[10.24191/JIPSF/v5n22023_145-153](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_145-153)

Abstrak

Kajian ini meneroka penggunaan minyak zaitun sebagai rawatan dalam kitab "Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan" yang dikarang oleh Wan Ahmad ibn Wan Muhammad Zayn al-Fathani, seorang ulama Melayu terkemuka dalam bidang perubatan tradisional. Kitab ini merupakan satu lagi karya cemerlang dalam warisan ilmiah Melayu yang mencerminkan gabungan ilmu perubatan Islam dan tradisi Melayu. Kajian ini berfokus pada penggunaan minyak zaitun dalam amalan perubatan orang Melayu lama, sebagaimana digambarkan dalam kitab tersebut. Minyak zaitun telah lama dihargai dalam perubatan tradisional Islam kerana khasiatnya yang pelbagai. Kajian ini akan menganalisis cara penggunaan minyak zaitun, sama ada dalam rawatan penyakit atau sebagai satu elemen dalam amalan kesihatan harian. Selain itu, kajian ini juga akan menyelidik perkaitan penggunaan minyak zaitun dalam konteks budaya dan tradisi Melayu. Bagaimana minyak zaitun disesuaikan dengan amalan perubatan tradisional Melayu dan adakah terdapat unsur-unsur tempatan yang memberikan keunikan kepada penggunaan minyak zaitun dalam masyarakat Melayu. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang penggunaan minyak zaitun dalam perubatan tradisional Melayu dan mengekalkan warisan ilmiah Melayu yang kaya dalam bidang perubatan tradisional. Selain itu, ia juga boleh memberikan panduan kepada masyarakat masa kini tentang potensi manfaat minyak zaitun dalam aspek kesihatan dan kegunaannya dalam amalan harian.

THE USE OF OLIVE OIL AS A TREATMENT IN TRADITIONAL MALAY MEDICINE IN THE BOOK "TAYYIB AL-IHSAN FI TIBB AL-INSAN" BY WAN AHMAD IBN WAN MUHAMMAD ZAYN AL-FATHANI

Abstract

This study explores the use of olive oil as a remedy in the book "Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan," written by Wan Ahmad ibn Wan Muhammad Zayn al-Fathani, a prominent Malay scholar in traditional medicine. The book represents another outstanding work in the Malay scientific heritage, reflecting the integration of Islamic medical knowledge and Malay tradition. This study focuses on the use of olive oil in the traditional healing practices of ancient Malay society, as described in the book. Olive oil has long been valued in traditional Islamic medicine for its diverse properties. The study will analyze how olive oil is used, whether in treating diseases or as an element in daily health practices. Furthermore, the study will investigate the relationship of olive oil use within the context of Malay culture and tradition. How is olive oil adapted to traditional Malay healing practices, and are there local elements that provide uniqueness to the use of olive oil in Malay society? The results of this study are expected to contribute to a deeper understanding of the use of olive oil in traditional Malay medicine and to preserve the rich Malay scientific heritage in the field of traditional medicine. Additionally, it may offer guidance to contemporary society regarding the potential health benefits of olive oil and its applications in daily life.

Keywords: Tayyib al-Ihsan, Malay world, Usage, Olive oil, Treatment.

PENDAHULUAN

Alam Melayu memiliki tradisi perubatan yang unik. Kebanyakan rawatan di Alam Melayu menggunakan ramuan yang berasal dari tumbuhan herba yang tumbuh di hutan dan mudah didapati oleh penduduknya seperti tongkat ali, manjakani, kacip Fatimah, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, terdapat juga penggunaan tumbuhan dari luar Alam Melayu dalam amalan perubatan, seperti minyak zaitun. Minyak zaitun adalah minyak yang diekstrak dari buah zaitun, juga dikenali sebagai *Olea Europaea* secara saintifik, yang tumbuh di Lembah Mediteranian. Kawasan ini terletak di negara-negara seperti Itali dan Sepanyol. Berdasarkan catatan sejarah, penanaman zaitun pertama kali dilakukan di dunia oleh peladang Yunani pada zaman kira-kira 3,500 SM, di kawasan yang dikenali sebagai Crete. Ada yang mengatakan bahawa zaitun juga ditemui di wilayah Syria dan Palestin. Terdapat juga petunjuk mengenai kehadiran zaitun di Afrika Timur sejak 500,000 tahun yang lalu. Minyak zaitun masuk ke dalam Alam Melayu, yang merangkumi kawasan Asia Tenggara seperti Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura, Filipina Selatan, dan bahagian Selatan Thailand, melalui perdagangan maritim dan interaksi budaya dengan bangsa-bangsa lain sepanjang sejarahnya. Penggunaan minyak zaitun sangat penting tidak hanya dalam bidang masakan, tetapi juga dalam bidang kesihatan. Pada abad ke-7 dan ke-3 SM, ahli falsafah kuno, pakar perubatan, dan sejarawan mendapati bahawa minyak zaitun mempunyai sifat penyembuhan untuk pelbagai penyakit. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika di Alam Melayu juga minyak zaitun digunakan sebagai kaedah perubatan untuk merawat penyakit.

ZAITUN DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH

Zaitun Dalam Al-Quran

Allah SWT pernah bersumpah dengan buah zaitun dalam al-Quran yang menandakan keberkatan yang ada pada buah Zaitun (Al-Thabari, 2014):

Maksudnya: "Demi (buah) Tin dan (buah) Zaitun. Dan demi bukit Sinai"
(QS al-Tin 95: 1-2)

Allah SWT menyifatkan Zaitun ini antara tanda kekuasaannya, dan meminta manusia untuk memerhatikan pohon zaitun ketika berbuah dan ketika buah itu menjadi matang (At-Thabari, 2014). Ini dapat diperhatikan daripada ayat al-Quran di bawah:

Maksudnya: Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau. Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang korma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya di waktu pohonnya berbuah dan (perhatikan pulalah) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman. (QS al-An'am 6: 99)

Zaitun adalah salah satu tanaman yang banyak khasiatnya sehingga Allah swt menumbuhkannya untuk kepentingan manusia. Ini seperti yang dinyatakan di dalam ayat berikut: (as-Sa'di, 2008)

Maksudnya: Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon korma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama (rasanya). Makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam itu) bila dia berbuah, dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya (dengan disedekahkan kepada fakir miskin); dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan. (QS Al-An'am 6, 141)

Zaitun antara tumbuh-tumbuhan yang ditumbuhkan oleh Allah swt melalui air hujan dan ianya menjadi bukti kekuasaan Allah swt seperti yang dinukilkan dalam ayat berikut:

Maksudnya: Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman; zaitun, kurma, anggur dan segala macam buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan. (QS An-Nahl 16, 11)

Antara tumbuhan yang memiliki banyak kelebihan serta diberkati oleh Allah swt sebagai pohon yang banyak memberikan manfaat kepada manusia yang minyaknya boleh dibuat sebagai bahan nyalaan api. Hal ini disebut dalam ayat yang tertera di bawah:

Maksudnya: Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus, yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca (dan) kaca itu seakan-akan bintang (yang bercahaya) seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkahnya, (yaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah

barat(nya), yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbing kepada cahaya-Nya siapa yang dia kehendaki, dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (QS An-Nur 23, 35)

Zaitun juga di sebut dalam al-Quran dan digandingkan bersama-sama buah kurma. Hal ini membuktikan bahawa zaitun mempunyai khasiat dan kelebihan tersendiri sehingga Allah swt menggandengkannya dengan pohon kurma yang juga banyak kelebihannya. Seperti ayat yang berikut:

Maksudnya: *Zaitun dan kurma* (QS, ‘Abasa 80,29)

Zaitun Dalam Hadith

Zaitun adalah tanaman yang sangat baik dan banyak manfaat kepada kesihatan manusia. Shinggakan nabi Muhammad menyarankan penggunaan zaitun didalam sabda baginda. Antara hadis berkaitan dengan zaitun adalah seperti berikut:

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Makanlah minyak dan gunakanlah untuk mengoleskan, kerana itu berasal dari pohon yang diberkati.”* (HR. Ibn Majah: No. Hadis: 3320)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Gunakan minyak zaitun yang diberkati ini untuk merawat diri, kerana ia merupakan penyembuh dari buasir (hemoroid).”* (Thabrani: 17/281)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Makanlah minyak dan gunakan untuk mengoleskan, kerana di dalamnya terdapat penyembuhan dari tujuh puluh penyakit, termasuk kusta.”* (Abu Nu’aim al-Asbahani: 4202)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen sebagai instrumen asas. Kitab *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan* dijadikan dokumen yang dianalisis, selain daripada beberapa penulisan jurnal dan buku berkaitan Kitab *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan* dan pengarangnya Sheikh Ahmad al-Fatani. Pentemaan dibuat secara manual berkaitan kegunaan minyak zaitun yang terdapat dalam Kitab *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan*.

PENGENALAN KITAB TAYYIB AL-IHSAN FI TIBB AL-INSAN

Biografi Pengarang

Syeikh Ahmad al-Fatani bukan sahaja seorang ulama’, tetapi beliau juga adalah seorang ahli sains, ahli sejarah dan salah seorang ahli dalam perubatan melayu yang tersohor pada abad ke 19 (Abdul Rahman, 2020). pada peringkat awal, latar belakang dan riwayat beliau ditulis oleh orang-orang yang sempat bertemu dengan beliau seperti Syeikh Abdullah Mirdad Al-Khayr(1285H). Selain itu, biografi Syeikh Ahmad al-Fatani juga dinukilkan di dalam *Hadiqat Al-Azhar* (Fatin, 2009). terdapat juga tulisan sarjana barat yang mengetengahkan Syeikh Ahmad al-Fatani dalam tulisan-tulisan mereka. antaranya ialah Prof. Snouck Hurgronje yang juga seorang sarjana Belanda. didalam buku beliau, *Mekka in The Latter Part of The Ninetenth Century*, Snouck memperkenalkan peranan Syeikh Ahmad

al-Fatani dalam percetakan kerajaan Turki-Uthmani. Snouck juga menggelarkan Syeikh Ahmad al-Fatani sebagai “*A Savant Of Merit*” (Fatin, 2009).

Pendapat Snouck Hurgronje ini telah disunting semula oleh Prof. William R. Roff dan dimuat naik dalam bukunya *The Origins Of Malay Nationalism*. Dalam *Comparative Studies In Society And History*, perkataan “*A Savant Of Merit*” itu digantikan dengan “*A Great Savant*”. Buku Roff yang pertama telah di terjemahkan oleh Ahmad Boestaman dan diberikan judul *Nasionalisma Melayu*. Seterusnya, apabila berlakunya penterjemahan buku Roff tersebut, maka gelaran yang disebutkan kepada Syeikh Ahmad al-Fatani ditukar ke dalam bahasa Melayu dengan “*Seorang Sarjana Ulung*”. Selain Roff, tulisan Snouck Hurgronje juga telah diambil juga oleh beberapa sarjana Barat yang lain dan tidak terlepas juga sarjana-sarjana yang berasal dari tanah Melayu sendiri (Helmy, 2017).

Nama lengkap beliau adalah Syeikh Ahmad al-Fatani bin Wan Muhammad Zayn Al-Abidin Bin Wan Mustafa Bin Wan Muhammad Bin Wan Muhammad Zayn Al-Abidin Bin Faqih Wan Musa Bin Hidir Bin Syeikh Wan Ahmad. Beliau dilahirkan pada malam Jumaat, 5 Sya'ban 1272H di Kampung Sena Janjar, Kampung Jambu, Fatani. Walaupun begitu, Syeikh Abdullah Mirdad Ab Al-Khair seorang ulama Arab Mekah mengatakan bahwa Syeikh Ahmad al-Fatani lahir pada 1270H berselisih dua tahun dari tahun yang disebut oleh Syeikh Ahmad Al-Fatani sendiri. Menurut beliau lagi, pada usia 6 tahun Syeikh Ahmad al-Fatani telah mengikut ayahnya ke Mekah dan telah menghafaz al-Quran serta matan-matan pelbagai ilmu (Affendi, 2020). Dalam perjalanan menuntut ilmu, Syeikh Ahmad Fatani sempat berguru dengan ramai guru namun hanya seorang sahaja guru beliau yang disebut oleh Syeikh Abdullah Mirdad iaitu guru beliau dalam ilmu agama Al-Allamah Sayyid Umar As-Shami Al-Biq'a'i. Bersama guru beliau ini, beliau belajar bahasa Arab, tauhid, tafsir, hadis, fiqh, ilmu ma'ani, bayan, 'arud dan lain-lain. Syeikh Ahmad al-Fatani juga telah mendapat kebenaran untuk mengajar di Masjid Al-Haram. Pada pandangan Syeikh Abdullah Mirdad, Syeikh Ahmad al-Fatani adalah seorang yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan juga sangat mahir dalam bidang sastera dan syair Arab (Helmy, 2017).

Selepas belajar di Mekah, Syeikh Ahmad al-Fatani berhijrah ke Mesir selama 7 tahun dan belajar dengan beberapa orang ulama di sana. Pada masa yang sama beliau menjadi pentashih kepada syarikat percetakan di Mesir. Selepas itu, Syeikh Ahmad al-Fatani pulang semula ke Mekah dan bekerja sebagai pentashih di syarikat percetakan dengan mentashih kitab-kitab dalam bahasa Melayu. Dalam bidang penulisan, Syeikh Ahmad al-Fatani mengarang kitab. Ini dinyatakan oleh Syeikh Abdullah Mirdad yang mana pernah melihat nazam-nazam gubahan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam karangan gurunya Syeikh Umar Al-Biq'a'i yang juga disebut sebagai ilmu Bayan. Dengan kehebatan dalam bidang kesusasteraan Arab, beberapa ulama Arab lain telah lama menggelar beliau dengan gelaran *al-Adib*. Antaranya ialah Syeikh Taha Qatar. Gelaran itu membawa maksud seseorang yang benar-benar menguasai pelbagai aspek kesusasteraan Arab secara fasih dan mendalam. Kehebatan Syeikh Ahmad al-Fatani dalam kesusasteraan Arab membuatkan ulama sezamannya memanggilmu dengan penuh hormat pelbagai gelaran antaranya *Zawat Al-Fadhail Al-Alim Al-Fadil Wa Al-Adib Al-Kamil*, *Al-Adib Al-Kamil* ada juga gelaran *Al-A'llamah Al-Adib* (ahli sastera yang sempurna pengetahuannya). Ada juga memberi gelaran seperti *Al-Allamah Al-Adib Al-Lauza'i* dan *As-Syab Al-Najib Al-Fitan Al-Adib* (Helmy, 2017).

Dalam ilmu perubatan, Syeikh Ahmad al-Fatani belajar dengan seorang doktor yang berasal dari Kabul, Afghanistan ketika beliau di Baitul Al-Maqdis. Beliau adalah Syeikh Abdul Rahim Al-Kabuli (Mohd Affendi, 2020). Sebagai bukti yang menyatakan bahwa beliau belajar ilmu rawatan, di temui sebuah tulisan dalam bahasa Arab yang di tulis di halaman terakhir sebuah kitab yang bermaksud: “telah selesai mempelajari kitab ini dari Syeikhuna Doktor yang mahir lagi terkenal iaitu Syaikh Abdul Rahim Al-Kabuli, selepas zohor, pada hari Sabtu 21 Ramadhan 1312H”. Syeikh Abdul Rahim adalah seorang doktor yang mahir dibidangnya dan terkenal pada ketika itu. Syeikh Ahmad dikenali oleh beberapa doktor di Mesir melalui beberapa surat yang dikirim oleh doktor-doktor tersebut kepada beliau semasa di Mekah. Antara permintaan mereka adalah mengajak Syeikh Ahmad al-Fatani untuk bergabung bersama mereka untuk melakukan pelbagai penyelidikan khususnya keatas

pelbagai jenis ubat ubatan yang baru sahaja di perkenalkan pada ketika itu (Fairuzah, Zilal, Nur Najwa, Norhissam,2019).

Syeikh Ahmad juga banyak menulis dan menghasilkan karya-karya penulisan dalam bahasa Arab dan Melayu. Syeikh Ahmad al-Fatani juga banyak menulis tentang sains dan teknologi seperti komputer, kenderaan laut, dan udara sebagainya walaupun belum wujud pada zaman tersebut. antara kepandaian beliau juga adlah membuat emas 24k atau jenis-jenis yang lain melalui kaedah-kaedah pembancuhan pelbagai zat lain yang bukannya dari asal bahan emas atau galian lain. Walaupun begitu, buku tersebut tidak dicetak. Haji Uthman (1992) seorang guru pondok di Fatani mengatakan bahawa pernah beliau melihat buku tersebut dalam rumah Syeikh Ahmad al-Fatani sewaktu beliau berada di Mekah. Dalam naskah tersebut juga mempunyai cara pembuatan mancis, sabun dan sebagainya (Helmy, 2017).

Dalam ilmu perubatan pula, terdapat dua karya Syeikh Ahmad membicarakan tentang ilmu perubatan. Antara karya dalam bidang perubatan adalah *Kitab Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan* yang ditulis didalam bahasa melayu dan selesai di tulis pada 13 Zulhijjah, 1312 H/1894 empat bulan setelah beliau selesai mempelajari kitab perubatan dalam bahasa urdu. Cetakan pertama kitab ini di Matba'ah Al-Mir'iyah Al-Kay'inah, Mekah pada tahun 1313 h/1913 m. Selain itu, ada beberapa halaman yang di tulis oleh beliau yaitu *Hadiqat Al-Azhar* dan *Luqatah Al-'Ajlal* yang berkisar tentang perubatan serta beberapa penulisan-penulisan lain yang merupakan hasil dari eksperimen beliau pada tumbuh-tumbuhan dan haiwan dalam merawat pelbagai penyakit. Semua catatan-catatan tersebut membuktikan bahawa Syeikh Ahmad al-Fatani cuba untuk menggabungkan hasil pengajiannya dengan eksperimen beliau dengan menjadikan khazanah alam Melayu sebagai bahan rawatan. kebanyakan guru-guru di pondok menyebut bahwa Syeikh Ahmad al-Fatani adalah putera Melayu yang pertama yang mempelajari ilmu perubatan. Sehingga sekarang tidak ada lagi seseorang yang dikenali sebagai ulama besar dan pada masa yang sama sebagai ahli dalam bidang perubatan alam Melayu (Mohd Affendi, 2018).

Data Kitab Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan

Kitab ini adalah manuskrip perubatan pertama di alam Melayu. Manuskrip ini di tulis pada kurun ke 19 (Abdul Rahman, 2020). Manuskrip ini ditulis dalam tulisan jawi berbahasa Melayu. kitab ini juga mempunyai 14 fasal. Bahagian yang pertama adalah bahagian pendahuluan. Di dalam pendahuluan kitab ini, Syeikh Ahmad al-Fatani menjelaskan makna *tibb* dan kelebihan belajar ilmu perubatan. Selain itu, Syeikh Ahmad al-Fatani menyebut juga berkaitan alam melayu terdapat khazanah tumbuhan yang berkhasiat dan baik untuk menyembuhkan penyakit dan kebanyakannya berguna untuk mengubati penyakit. Selain itu, beliau juga memberikan buah fikiran dan saranan kepada Raja-Raja Melayu supaya menggalakan serta menyediakan modal bagi mereka yang berminat untuk melakukan kajian atas tumbuh-tumbuhan yang terdapat banyak di alam Melayu (Faisal @ Ahmad Faisal & Helwana, 2007).

Dalam akhir bahagian pendahuluan ini, Syeikh Ahmad al-Fatani berharap agar bangsa melayu dapat mempelajari tumbuh-tumbuhan yang terdapat di alam Melayu dan menggunakannya dalam bidang perubatan. Seterusnya, Syeikh Ahmad al-Fatani menjelaskan ilmu perubatan dalam beberapa bab penting. Bab yang terdapat dalam kitab ini termasuk bab nadi, penyakit yang berkaitan dengan kepala, penyakit yang terdapat di bahagian muka dan yang berdekatan dengannya, termasuk hidung, mulut, mata, dan telinga. Terdapat juga bab yang membincangkan penyakit yang terdapat pada dada dan juga bahagian perut.

Setiap bab membincangkan satu penyakit utama dan kemudian dibahagikan kepada penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya. Setiap penyakit memiliki pelbagai cara untuk merawatnya, sebagai contoh, dalam bab lapan, perbincangan adalah berkaitan dengan penyakit di bahagian kepala. Dalam bab ini terdapat 13 penyakit atau rawatan yang berkaitan dengan bahagian kepala. Termasuk dalam bab ini ialah cara merawat sakit kepala yang disebabkan oleh panas, sakit kepala akibat terik

matahari, pening dan sebagainya. Kitab ini juga menyatakan cara untuk mencegah uban dan merawat rambut yang gugur. Pada akhir kitab ini, Syeikh Ahmad al-Fatani menjelaskan punca terjadinya penyakit. bab Pada bab akhir, Syeikh Ahmad al-Fatani memeberikan nama risalah ini dengan nama Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan dan penulisan kitab ini berakhir pada waktu dhuha, Isnin bersamaan 3 Zulhijjah pada tahun 1312H.

ANALISIS PENGGUNAAN MINYAK ZAITUN DALAM ALAM MELAYU LAMA DALAM KITAB TAYYIB AL-IHSAN FI TIBB AL-INSAN

Berdasarkan analisis dokumen yang dilaksanakan terhadap manuskrip ini terdapat beberapa penggunaan minyak zaitun sebagai rawatan alternatif:

1) Ubat penawar penyakit lupa dengan dilumur sebelah belakang kepala. Ini berdasarkan kepada pernyataan pengarang dalam kitab (Ahmad, 1999: 12):

“Minyak zaitun yang lama dibubuh di dalamnya natrun, apabila dilumur sebelah belakang kepala memberi manfa’at daripada terlupa”

2) Digunakan sebagai ubat sakit gigi geraham dan lainnya hal ini disebut oleh pengarang kitab pada fasal yang ke sembilan berkaitan dnegan penyakit pada muka dan yang berkaitan dengannya (Ahmad,1999: 19). Ini disebut:

“Dan jintan hitam apabila digoreng dan ditumbuk dengan minyak zaitun dan dilumur dengan dia dan di kemam sesaat lama memberi manfaat.”

3) Zaitun juga boleh mengubati penyakit keluar dubur yaitu penyakit buasir atau disebut sebagai Hemoroid dalam ilmu perubatan moden (Ahmad, 1999, 27). Cara merawatnya adalah seperti berikut:

“Memberi manfa’at padanya kabd, ertinya hati kambing yang khasa (dikasi) yang dimasakkan dengan minyak zaitun dan na’na’ tiga hari atau; dibasuh dengan air kulit delima”

4) Digunakan sebagai gel sapuan pada sendi pinggang dan lutut. Dengan mencampurkan minyak zaitun bersama mustaki, garam dan kunyit di tumbuk dan dipanaskan seketika untuk dijadikan gel atau minyak sapuan pada kawasan yang sakit. Hal ini disebut pada fasal kedua belas berkaitan penyakit yang sering mengganggu anggota badan dari pinggang hingga ke hujung kaki (Ahmad, 1999,31).

“Dan bagi irqu al-nasa’ pula bahawa diambil mustaki dan garam serta kunyit sama banyak sekaliannya, ditumbuk dan dibubuh didalam minyak zaitun dan dipanaskan diatas api yang lembut hingga menggelegak dan dilumur dengan dia akan irqu al-nasa’”

5) Di minum sebagai ubat penawar sakit papan punggung. Cara rawatan ini adalah dengan menjadikan zaitun dan sanamaki sebagai minuman dan dibarut pada kawasan yang sakit. Penyakit ini disebut dalam fasal ke dua belas selepas penyakit *irqu al-nasa’*. (Ahmad,1999,31)

“Minum sanamaki dan dibarut dengan dia istimewa apabila dipanaskan dia didalam minyak zaitun hingga menggelegak.”

6) Bermanfaat sebagai ubat penyakit *judham* (kusta) dengan diminum air rebusan campuran herba dan minyak zaitun. Seperti yang dinukikan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani dalam kitan Tayyib al-Insan pada fasal yang ke tiga belas yang menjelaskan tentang penyakit yang yiada tertentu dengan sesuatu anggota (Ahmad: 1999,38)

Minum air rebusan bekanik dengan garam dan minyak zaitun itu badazharnya ya’ni penawarnya yang baik atau; minum uri Perempuan atau; minum setengah dirham halib serta minyak sapi dan manisan lebah diminum satu malam dan ditinggal dua malam atau; minum lima dirham dari habuk kikiran gading gajah dengan air daun

na'na' mujarrab atau; minum air yang direndam padanya sehari semalam daun bidara empat wiqyah diminumnya empat puluh hari.

7) Boleh disapu pada tempat yang luka dapat mengeringkan luka dan sangat memberi manfaat. Hal ini jelas sepertimana yang di tulis oleh Syeikh Ahmad dalam kitabnya pada fasal yang ke empat belas yang menyatakan mengubati beberapa kesakitan yang bercerai-berai(Ahmad, 1999,40)

Dan tabashir iaitu kapur buluh dan setengah daripada yang mujarrab bahawa dihancurkan shab dan kapur baru didalam air daun keras dan minyak zaitun yang lama dan dipudikan dengan ubat luka, maka bahawasanya sangat bermanfaat.

8) Minyak zaitun juga mampu menumbuhkan semula daging dengan efektif seperti menyembuhkan zakar apabila selesai berkhitan. Hal ini disebutkan oleh pengarang dalam fasal yang ke empat belas didalam kitab perubatan beliau(Ahmad,1999,40)

Ini suatu muhimmah pada bicara khitanan, ertinya bersunat iaitu memotong kulit yang lebih pada dhakar. Maka tak dapat tiada ditelekkkan pada sengat gulfah. Maka ditanda akan dia kemudian dicucikan kulit itu hingga menceraikan ia akan hasyafah, ertinya tengkuk dhakar makan dipotongkan atas tanda itu dan hendaklah terjaga orang yang mengerta daripada mengenai lubang jalan kencing dan daripada melampaui kadar kulit. Maka bahawasa demikian itu sangat mudharat dan ditakuti bahawa dikeratkan dengan pisau yang berkarat bahkan disucikan dan dutajamkan bersabatan dan mengiringi potong itu diparukan atas tempat potong itu abu ku'ub (payu dara) kambing atau abu bulu kibash beserta dengan zift dan dibubuh pula minyak zaitun dan di barut kemudian disalinka esok harinya.

9) Bancuhan minyak zaitun juga boleh mengawal kulit yang terhangus bakar dengan api dari melepuh dan berair. Cara rawatan ini di sebutkan oleh Syeikh Ahmad dalam kitab perubatannya Tayyib Ihsan fi Thibb al-Insan pada fasal yang ke empat belas semasa menyebutkan perihal ubat terhangus dengan api (Ahmad,1999,41).

“Dan minyak zaitun dengan garam yang ditumbuk lumat-lumat apabila dihantarkan atas tempat hangus api berhenti sakitnya dan menegahkan daripada melentut”

10) Bisa atau racun binatang beracun dan berbisa juga boleh di tawarkan dengan menggunakan minyak zaitun dengan campuran-campuran herba tertentu. Ini disebut dalam fasal yang ke empat belas dalam kitab perubatan beliau (Ahmad,1999,42).

“Memberi manfaat daripada segala racun dan bisa barang mana ada ia minum setengah daripada minyak balsam atau; minum setengah dirham daripada tin makhtum atau; dirham daripada tinkar atau; dua wiqyah minyak lenga atau; perahan kulit limau nipis atau; airnya atau air kencing manusia atau badazhar hayawany atau perahan hindaba serta minyak zaitun”

PENUTUP

Dalam kitab Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb al-Insan, Syeikh Ahmad al-Fatani menjelaskan penggunaan minyak zaitun untuk merawat penyakit adalah sebanyak 10 kali. Antaranya dalam fasal ke lapan, fasal ke sembilan, fasal ke sebelas, fasal ke dua belas, fasal ke tiga belas dan fasal yang ke empat belas. Namun dapat dilihat bahawa, penggunaan minyak zaitun untuk merawat penyakit di dalam kitab ini bukanlah digunakan secara tunggal tetapi dicampur dan diramukan dengan beberapa herba-herba yang lain yang wujud di alam Melayu. Selain itu dapat dipastikan juga penggunaan minyak zaitun boleh digunakan dalam dua keadaan sama ada luaran atau dalaman. Seperti yang di sebut pada fasal ke delapan ubat lupa di sapu ke belakang kepala. Manakala boleh di minum sebagai penawar bisa dijelaskan pada fasal ke empat belas. Minyak zaitun juga di jadikan salah satu media yang penting dalam membuat sesuatu ramuan mengikut penyakit-penyakit tertentu dan ianya berfungsi sebagai pelarut dalam ramuan ubat-ubatan tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Hj Abdullah. (2020). *Membongkar sejarah agama dan budaya Melayu*. Selangor: Hijjaz Records Publishing.
- Abu Nuaim Al-Asbahani. (2009). *Mausuah at-Tibb an-Nabawi*. Beirut: Darul Ibn Hazim.
- At-Thabari. (2014) *Tafsir al-Thabari*. Beirut: Darul Kitab al-Ilmiah.
- At-Thabrani. (2008). *Mukjam al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Ibnu Taimiah.
- As-Sa'di. (2002). *Tafsir al-Kalam al-Manan*, Beirut: Muassasah Ar-Risalah.
- Faatin, A.M.F. (2019). *Idea sejarah tanbih dalam historiografi Hadiqat al-Azhar Wa al-Rayahin. Islamiyyat 41(1)*, 37 – 47.
- Fairuzah Mat Salleh, Zilal Saari, Nur Najwa Hanani Abdu Rahman & Norhissam Mustafa. (2019). *Perspektif Syeikh Ahmad al-Fatani tentang kaedah mengenalpasti penyakit: Analisis awal terhadap kitab Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. Skudai: UTM Press.
- Abd Hamid, F. @Ahmad F., & Mohammad, H. (2008). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani-Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 110–127.
- Ibn Majah. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Mesir: Darul Ihya' al-Kitab Al-A'robi.